

05 JUN 1999

DAP MAHU PM BERBINCANG MENGENAI PENGGANTI HARUN

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- DAP hari ini meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya berbincang dengan parti-parti pembangkang sebelum melantik pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang baru untuk menggantikan Datuk Harun Din yang akan bersara.

SPR merupakan antara institusi yang sangat penting di dalam memastikan pilihan raya umum berjalan dengan bebas, adil dan bersih, kata Setiausaha Agungnya Lim Kit Siang dalam satu kenyataan di sini.

Harun akan bersara pada 21 Jun selepas memegang jawatan itu selama sembilan tahun.

Dr Mahathir memberitahu pemberita semalam bahawa kerajaan telah mengenal pasti beberapa calon untuk menggantikan Harun dan satu pengumuman akan dibuat selepas calon yang layak dipilih.

Lim berkata Harun sebagai pengerusi SPR telah berusaha sedaya mungkin untuk memastikan pilihan raya dijalankan dengan adil.

"Malangnya, SPR tidak dapat menggunakan kebebasannya mengikut perlembagaan di dalam menentukan tarikh pilihan raya dan tempoh kempen pilihan raya," kata beliau.

-- BERNAMA

RZS AKD